



1. Qanaah dari sudut bahasa ialah reda manakala dari sudut istilah ialah berasa cukup dan reda dengan nikmat kurniaan Allah SWT.
2. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:  
Maksud: Kekayaan itu bukanlah dengan banyaknya harta tetapi kekayaan itu adalah dengan kaya jiwa (hati yang selalu berasa cukup). (Muttafiq alaih)
3. Rasulullah SAW sekeluarga tidak pernah makan makanan yang mewah seperti roti yang diperbuat daripada gandum halus apatah lagi makan hingga kekenyangan. Pernah berbulan-bulan di rumah baginda tiada sesuatu untuk dimasak.
4. • Sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT  
• Selalu bertawakal kepada Allah SWT  
• Hidup secara sederhana dan tidak boros
5. (a) Hidup sentiasa tenang dan tenteram.  
(b) Kemuliaan diri terpelihara.  
(c) Memupuk sifat sabar dan syukur.
6. Aktiviti murid

### Praktis Masteri 24

#### Bahagian A

1. C
2. C

#### Bahagian E

1. (a) (i) sabar  
(ii) bertawakal  
(iii) mewah  
(iv) tenang  
(b) Pada pendapat saya, hal ini kerana sifat qanaah merupakan salah satu rukun takwa yang disebut oleh Sayidina Ali r.a. Selain itu, seseorang yang mengamalkan sikap qanaah akan mendapat ketenangan jiwa dan hati serta kebahagiaan hakiki dalam kehidupannya kerana dia sentiasa berasa cukup dengan apa yang ada walaupun sedikit. Oleh itu, tidak musykil jika Islam amat menuntut umatnya agar mengamalkan sikap qanaah dalam kehidupan kerana terdapat banyak hikmah disebaliknya.  
(c) (i) Hidup sentiasa tenang dan tenteram  
(ii) Kemuliaan diri terpelihara